

# MALAM PUISI RIONG

**BERITA HARIAN**



## UTeM JADI TUMPUAN PENGGIAT SENI BUDAYA

7 April 2010- Walaupun sinonim dengan kegiatan akademik dan penyelidikan berasaskan teknikal, keindahan hasil seni warisan budaya tidak sesekali diabaikan oleh semua warganya. Ini terbukti apabila Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) digegarkan dengan laungan deklamasi puisi oleh para pemuisi terkenal yang datang dari seluruh pelosok tanah air pada Majlis Malam Puisi Riong Berita Harian UTeM.

Dewan Besar UTeM di Kampus Induk Durian Tunggal Melaka dibanjiri seramai lebih 2,000 orang penonton seawal jam 7.30 malam lagi kerana tidak mahu ketinggalan menyaksikan acara yang penuh bersejarah ini. Penonton terdiri daripada pelajar dan staf UTeM, tetamu-tetamu jemputan serta penuntut-penuntut dari institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah di sekitar Melaka.


Majlis ini juga turut diserikan dengan kehadiran Yang Di-Pertua Negeri Melaka yang juga Canselor UTeM, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali bin Rustam, Speaker DUN Negeri Melaka, Datuk Othman bin Mohamad, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Dr. Mohd Taib bin Hashim, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Pengerusi Eksekutif Media Prima, Datuk Johan Jaafar, pegawai-pegawai kanan serta pengurusan universiti.

Malam Puisi Riong ini bertemakan 'Menelusuri Inovasi Warisan Budaya' mengangkat nilai budaya di sebalik kepantasan hasil inovasi yang amat sinonim dengan warga UTeM. Program yang buat julung-julung kalinya diadakan di Melaka ini menghimpunkan para pemuisi tersohor tanahair termasuk Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said, penerima Anugerah Penulisan SEA 2005, Abdul Ghafar Ibrahim atau Agi, Faisal Tehrani, Zaen Kasturi, Borhan Md Zin, deklamator jemputan daripada UPSI, Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin dan ramai lagi.

Lebih istimewa, para tetamu juga turut dihiburkan dengan persembahan nyanyian lagu puitis oleh Ramli Sarip, Farawahida dan Cicik. Pelawak terkenal tanah air, Sabri Yunus juga telah berjaya mencuit hati penonton dengan seloka dan puisi hasil nukilan beliau sendiri.

Para tetamu kehormatan juga turut tidak mahu ketinggalan untuk menyampaikan puisi antaranya Datuk Seri Mohd Ali, Datuk Othman Mohamad, Datuk Johan Jaafar serta Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff yang membuka gelanggang dengan mendeklamasikan sebuah puisi.

Majlis ini dianjurkan oleh UTeM dan Berita Harian yang turut dijayakan bersama Perbadanan Muzium negeri Melaka (PERZIM), Persatuan Penulis negeri Melaka (PENAMA) dan Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Melaka (JKKN) serta Hotel Seri Malaysia Melaka yang bertindak sebagai hotel rasmi acara.



**KANDUNGAN**

UTeM Jadi Tumpuan Penggiat Seni Budaya | Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) MTUN | Balanced Score Card Penanda Aras Kecemerlangan UTeM | Hasil Ciptaan Pelajar FKEKK Dipamerkan Di Inotek 2010 | Kunjungan Hormat Naib Canselor UPNM Ke UTeM | UTeM Teroka Peluang Di Sunpower Malaysia | Myren 2010 Dimensi Baru Pengurusan Rangkaian Maklumat UTeM | Dr. Ary Ginanjar Augustian Di Persidangan Antarabangsa ICCD 2010 UTeM | Imagine Cup Cabar Imaginasi Dan Kreativiti | RM 30 Ribu Wang Zakat Bank Islam untuk Pelajar UTeM | Praktis Terima Sijil Pendaftaran Pertubuhan | Dekan HEPA Terima Lawatan Dari Setiausaha Politik Menteri Mentor UTeM | Program Integrasi Erat Hubungan Universiti Dan Masyarakat | FKP Anjur Graduation Nite 2010 | Majlis Anugerah Dekan FKEKK Dan FKE | Pelajar UTeM anjur Solat Hajat Perdana | Sesi Ramah Mesra Tnc (P&I) Bersama Staf Akademik PBPI | Bengkel Sukarelawan Pusat Islam Bentuk Semangat Berpasukan | Berita Kelahiran | Lawatan Majlis Bersama Jabatan (Mbj) Kpt Ke UTeM | Shahrhan Dan Hanisah Dinobatkan Olahragawan Olahragawati Staf UTeM | Temasya Olahraga Tahunan UTeM 2010 Kali Ke-3 | UTeM Siap Sedia Jadi Arena Terbaik SUKMA XIII 2010

LG  
173  
.M44  
.B47  
2010  
a  
Apr





87516175



**Editor BERITA@UTeM**

**KETUA EDITOR :**

Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff

**PENOLONG KETUA EDITOR :**

Faradila Binti Md. Yusof

**WARTAWAN :**

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

**REKA BENTUK GRAFIK :**

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abdul Rahman

**JURUFOTO :**

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

**PENGEDARAN :**

Bob Faizeli Bin Mohamed Din  
Al Rohaiya Binti Adanan

**URUS SETIA :**

Azlinah Binti Ajis  
Nor'Emylia Binti Mohamed

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke [berita@utem.edu.my](mailto:berita@utem.edu.my)

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Perolehan MK (K)	No. Panggilan
38312	L9 173 -M44 -847
Tarikh	
16 DEC 2010	

Hak Cipta Terpelihara  
Pejabat Perancangan Dan  
Komunikasi Korporat, Canselori  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal, Melaka  
Tel : +606 331 6248 / 6249  
Faks : +606 331 6247



# MESYUARAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI) MTUN

19 April 2010 - Satu mesyuarat bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Jaringan Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) telah diadakan di UTeM baru-baru ini. Mesyuarat yang dijalankan merupakan kesinambungan kepada beberapa siri perbincangan berkaitan hubungan kerjasama keempat-empat universiti terutamanya aktiviti penyelidikan dan hubungi industri.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM, Prof. Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi mempengerusikan mesyuarat tersebut. Antara yang hadir pada mesyuarat ini ialah Dato' Prof. Dr. Rosli bin Mohd Yunos Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Dr. Zul Azhar bin Zahid Jamal Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) serta Prof. Ir. Dr. Zainal Abidin bin Ahmad Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi & Pembangunan) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).



Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Canselori telah menganjurkan Bengkel Balanced Score Card selama tiga hari bermula pada 23 hingga 25 April 2010 bertempat di Hotel The Royale Bintang Seremban. Bengkel ini telah disertai oleh Naib Canselor, Timbalan naib Canselor Akademik & Antarabangsa, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi serta barisan pegawai kanan UTeM.

Antara objektif diadakan bengkel "Balanced Score Card" ini ialah sebagai perletakan penanda aras kecemerlangan dan pembangunan UTeM yang lestari, selaras dengan motonya "Kompetensi Teras kegemilangan". Di samping itu usaha ini adalah untuk meningkatkan imej UTeM dikalangan masyarakat umum kerana sistem ini juga telah digunakan oleh beberapa universiti dalam dan luar negara serta beberapa syarikat multinasional.

Menurut Naib Canselor UTeM Y.Bhg Prof Datuk Ahmad Yusoff bin Hassan dalam ucapannya sewaktu merasmikan bengkel ini, pelaksanaan BSC ini adalah selaras dengan usaha Kementerian Pengajian Tinggi dalam menyemai budaya "penilaian prestasi" serta mengukur aras keberhasilan setiap fakulti, jabatan, unit serta warga kerja universiti agar penyelarasan dapat dipantau dan kecemerlangan terus dipertingkatkan dan berlaku secara berterusan.

Ternyata program sebegini memberi impak yang besar dan menyeluruh kepada pihak pengurusan UTeM yang akan bergerak seiringan dalam pencapaian misi dan visi secara total dan efektif.

## BALANCED SCORE CARD PENANDA ARAS KECEMERLANGAN UTEM





## HASIL CIPTAAN PELAJAR FKEKK DIPAMERKAN DI INOTEK 2010

**1 April 2010** - Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) sekali lagi telah menganjurkan pertandingan hasil pelajar Sarjana Muda dan Projek Diploma atau lebih dikenali sebagai Innovation & Technology Competition (INOTEK) pada hari ini dan esok.

INOTEK 2010 telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Mohamad Kadim Bin Suadi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM manakala majlis penutup telah disempurnakan oleh Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM.

Ia dibahagikan kepada lima kategori yang juga merupakan kluster penyelidikan FKEKK. Sebanyak 12 orang wakil dari industri dari dalam dan luar Melaka telah dijemput sebagai pengadil pertandingan yang memberi pelbagai pendedahan kepada para peserta berkaitan inovasi dan pengkomersilan.

Pertandingan yang telah mula diperkenalkan sejak tahun 2006 itu dianjurkan secara tahunan dengan objektif utamanya ialah untuk meningkatkan dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti berunsurkan kreativiti, inovasi dan keusahawanan di kalangan staf dan pelajar.



## KUNJUNGAN HORMAT NAIB CANCELOR UPNM KE UTeM

**2 April 2010** - Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, telah menerima kunjungan Lt Jen Dato' Pahlawan Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin, Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di pejabat beliau hari ini.

Kunjungan hormat ini secara tidak langsung mengeratkan hubungan antara kedua-dua buah universiti yang memiliki keunikan dan kepakaran masing-masing. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff berkongsi pendapat serta menjelaskan perkembangan terkini UTeM dari segi pembangunan Kampus Induk serta aktiviti penyelidikan.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff melahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan harapan agar UTeM – UPNM dapat menjalinkan kerjasama erat terutama sekali dalam bidang penyelidikan di masa hadapan.

## UTeM TEROKA PELUANG DI SUNPOWER MALAYSIA



**21 April 2010** - UTeM sebagai sebuah universiti teknikal pertama di Malaysia terus meningkatkan kerjasama dengan industri sejajar dengan visi dan misi universiti ini ditubuhkan. Bagi mencapai hasrat ini, beberapa orang staf UTeM telah menyertai delegasi yang diketuai oleh Exco Perdagangan, Perindustrian, Keusahawanan dan Koperasi Negeri Melaka Y.B Datuk Yunus Husin melawat kilang Sunpower Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd. yang terletak di Rumbia, Alor Gajah. Selain dari UTeM, lawatan ini juga turut disertai oleh wakil-wakil daripada dari pelbagai agensi di Melaka.

Lawatan ini diadakan bagi merapatkan hubungan industri antara agensi-agensi Kerajaan Negeri Melaka di samping mengikuti perkembangan terkini syarikat tersebut. Pengarah urusan Sunpower Malaysia, Robert Vinje ketika membentangkan profil syarikat kepada delegasi lawatan berkata, kompleks kilang Sunpower Malaysia dijangka beroperasi pada bulan Julai nanti dengan menawarkan kira-kira 7,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Pelaburan sebanyak RM 2.3 bilion oleh Sunpower Malaysia menjadikan kilang tersebut sebagai pengeluar panel solar terbesar di dunia.

## MYREN 2010 DIMENSI BARU PENGURUSAN RANGKAIAN MAKLUMAT UTeM



**9 April 2010** - Pusat Komputer Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan Seminar Unified Communication (UC) dan Malaysian Research Education Network (MYREN) bertempat di Auditorium Kampus induk UTeM, Durian Tunggal Melaka.

Antara penceramah yang diundang dalam menyampaikan ucapan dalam seminar ini ialah Cik Liana Jacinta, Pengarah Program Insfrastruktur MYREN, Multimedia Development Corporation. Selain itu Prof Madya Dr Suhaimi bin Napis, Pengarah Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC) dari Universiti Putra Malaysia dan En Muzaffar Ariff bin Abd Karim selaku Pengurus Pembangunan Perniagaan Cisco Malaysia Sdn Bhd turut menyampaikan ceramah mereka.

Ternyata seminar ini memberi impak yang meluas kepada pihak UTeM dalam mengaplikasikan teknologi baru dalam penyelidikan sejajar dengan perkembangan semasa kerana dengan adanya MYREN maka jalinan rangkaian komunikasi dalam pelbagai sektor mampu terjalin atau terhubung dengan kadar yang lebih pantas dan efisien.


# DR. ARY GINANJAR AUGUSTIAN DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA ICCD 2010 UTeM

5 April 2010 – Warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) amat bertuah apabila pengasas ESQ 165, Dr Ary Ginanjar Augustian telah sudi menyampaikan ucapan tama beliau semasa Persidangan International Conference on Communication Dynamics 2010 (ICCD 2010) yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini. Dr Ary telah menyampaikan ucapan tama berkaitan sikap dan tingkah laku dalam komunikasi.

Persidangan yang bertemakan 'Differences in Communications: Embrace Through Disclosure' ini dianjurkan oleh Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan UTeM telah berjaya mengumpulkan para akademik dalam dan luar negara seperti daripada Bangladesh, Arab Saudi dan Indonesia bagi berkongsi dapatan-dapatan kajian yang berfokus kepada disiplin komunikasi. Sebanyak dua puluh lapan pembentang telah berkesempatan membentangkan kertas kerja mereka.

Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh penasihat kepada Menteri Pengajian Tinggi iaitu Profesor Dr Raduan Che Ros. Dalam ucapan perasmian beliau menyatakan bahawa agenda serupa ini amat digalakkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan beliau berharap persidangan seumpama ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Program-program yang menarik telah pun disusun oleh pihak sekretariat persidangan. Selain pembentangan kertas kerja yang berupa agenda utama persidangan ICCD 2010, para peserta dan pembentang telah menikmati majlis makan malam yang di adakan di Umbai dan lawatan di tempat-tempat sejarah di sekitar bandar Melaka.



# UTeM

## PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA) HADIRI PROGRAM PINTAR

KAKITANGAN


Seramai 85 orang kakitangan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menghadiri Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) di Permaisuri Resort Port Dickson yang diadakan pada 16 hingga 18 April 2010.

Program ini dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Dekan HEPA, Eng. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Pendaftar UTeM, Encik Hassan bin Sirun, dan fasalitor dari pegawai kanan UTeM.

Menurut Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff, Pejabat HEPA merupakan jabatan pertama yang terpilih untuk program ini kerana pejabat ini adalah yang menguruskan perkhidmatan kepada pelajar yang merupakan pelanggan utama UTeM.

Program PINTAR ini direkacipta untuk memenuhi Pelan Strategik UTeM. Antara matlamat program ini adalah untuk mengukuh penghayatan visi, misi dan Pelan Strategik UTeM, memantapkan kepimpinan dan kerja berpasukan dan mengukuh nilai dan budaya kerja cemerlang di kalangan warga HEPA UTeM.

Antara program yang dijalankan ialah ucapan utama oleh Naib Canselor UTeM, aktiviti membina pasukan, penghayatan visi, misi dan pelan strategik UTeM, kepimpinan berpasukan, Inovasi pemacu kegemilangan, kecemerlangan berpasukan menghasilkan sinergi, bengkel berpasukan, refleksi individu dan pasukan. Turut diadakan senaman pagi, kuliah subuh dan program Qiamullail.



## IMAGINE CUP CABAR IMAGINASI DAN KREATIVITI



**28 April 2010** - Pertandingan Imagine Cup yang dianjurkan setiap tahun dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Microsoft Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan MDeC bakal menyaksikan ciptaan software (perisian) yang lebih kreatif dan inovatif di pertandingan akhir yang akan berlangsung di pulau lagenda, Langkawi pada 17 hingga 19 Mei akan datang.

Pada sidang akhbar yang diadakan di KLCC hari ini, Pengerusi Imagine Cup yang juga Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan menyatakan bahawa kesedaran dan minat terhadap Imagine Cup semakin meningkat saban tahun dan sambutan yang ditunjukkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta (IPTS) amat menggalakkan.

Hadir sama pada sidang media tersebut ialah Azli Jamil, Pengurus Besar Inovasi Perisian Tempatan, Microsoft Malaysia, Prof. Dr. Rujhan Mustafa, Timbalan Ketua Pengarah IPTA KPT dan Meor Kamal Azhar, Ketua Pembangunan Unipreneur dan E-services, MDeC.


## RM 30 RIBU WANG ZAKAT BANK ISLAM UNTUK PELAJAR UTeM



**26 April 2010** - Seramai 115 pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah tersenarai sebagai penerima wang agihan zakat dari Bank Islam Malaysia Berhad yang berjumlah RM 30,000.00 yang berlangsung di Auditorium Canselor, Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin.

Majlis penyerahan cek telah disampaikan oleh Encik Rasul bin Zainal iaitu Pengurus Bank Islam Malaysia Berhad kepada wakil UTeM iaitu Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Eng. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman.

Bantuan pengagihan wang zakat ini merupakan sebahagian daripada agenda tahunan Bank Islam kepada pelajar UTeM yang kurang bernasib baik. Pemilihan pengagihan wang zakat kepada pelajar UTeM yang layak ini berdasarkan kepada beberapa kriteria dan syarat. Usaha murni ini adalah satu dorongan kepada pelajar berkenaan dalam meringankan beban perbelanjaan pendidikan dalam usaha menjadi graduan yang berjaya seperti pelajar-pelajar lain juga.



## DEKAN HEPA TERIMA LAWATAN DARI SETIAUSAHA POLITIK MENTERI MENTOR UTeM

**5 April 2010** - Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah dikunjungi oleh lima orang pegawai dari Pejabat Menteri Kerja Raya yang diketuai oleh Setiausaha Politik Menteri Kerja Raya, Datuk Haji As'ari Hj Ibrahim di Kampus Induk Durian Tunggal. Rombongan telah disambut dan seterusnya diberi taklimat oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM, Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman dan Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad.

Antara tujuan lawatan ini adalah sebagai susulan kunjungan hormat Dr. Marizan Sulaiman kepada Menteri Kerja Raya Datuk Hj. Shaziman Abu Mansor yang merupakan Menteri Mentor UTeM di pejabat beliau baru-baru ini.

Perbincangan diadakan bagi mengenal pasti jalinan hubungan kerjasama yang boleh diadakan yang melibatkan Menteri dan pelajar-pelajar UTeM. Antaranya mengadakan majlis dialog bersama pelajar, pertemuan dan perbincangan dua hala bersama pemimpin-pemimpin pelajar, mengadakan lawatan ke Parlimen, mengadakan program khidmat masyarakat bersama penduduk kampung dan bermacam lagi. Dengan adanya program seumpama ini akan mendekatkan Menteri bersama pelajar-pelajar UTeM. Pihak pejabat menteri juga akan memberikan kerjasama terhadap program-program yang akan dianjurkan oleh pelajar nanti.



## PRAKTIS TERIMA SIJIL PENDAFTARAN PERTUBUHAN

Pada 10 April 2010 Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PRAKTIS) UTeM telah menerima Sijil Pendaftaran Pertubuhan dalam satu majlis yang diadakan di Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Ayer Keroh Melaka.

Sijil Pendaftaran Pertubuhan telah disampaikan oleh Dato' Haji Md. Alias bin Haji Kalil, Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Presiden PRAKTIS Encik Wahi bin Nordin hadir menerima sijil tersebut. Selain acara penyampaian sijil, majlis turut diselitkan dengan ceramah bertajuk 'Pengurusan Pertubuhan Berkualiti' yang disampaikan oleh Ruslan bin Hj. Daud. Pegawai Pendaftaran Pertubuhan Negeri Pahang.

## PROGRAM INTEGRASI ERAT HUBUNGAN UNIVERSITI DAN MASYARAKAT




**3 April 2010** - Persatuan Mahasiswa Anak Sabah Sarawak (PMass) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Badan Kebajikan Siswa Siswi Sarawak (BAKSAR) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menganjurkan Program Integrasi Erat dan Khidmat Masyarakat yang bertemakan "Unity Through Diversity" di Dewan Konvensyen Kampus Bandar UTeM, di Jalan Hang Tuah, Melaka hari ini.

Menurut Pengarah Program Sidi Anak Nyulang, program ini diadakan bertujuan untuk menghubungkan pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak yang menuntut di kedua-dua buah universiti berkongsi pendapat dari aspek akademik dan juga kebudayaan masyarakat melibatkan seramai 120 pelajar.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Melaka Mohd. Khalil Ahmad. Antara acara yang diatur di sepanjang program ini ialah program motivasi kepada pelajar-pelajar sekolah, persembahan kebudayaan, senam robik, program gotong royong dan sukan rakyat.

## FKP ANJUR GRADUATION NITE 2010



**28 April 2010** - Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menganjurkan majlis Graduation Nite 2010 bertempat di perkarangan fakulti tersebut. Majlis yang penuh bermakna ini dihadiri oleh Dekan FKP Dr. Rizal bin Salleh, Dekan Pusat Pengajian Siswazah Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad, Timbalan-timbalan Dekan FKP serta semua Ketua Jabatan FKP.

Buat pertama kalinya FKP menghimpun keseluruhan pelajar-pelajarnya yang bakal bergelar graduan pada bulan Ogos ini di bawah satu bumbung bagi meraikan kejayaan menamatkan pengajian dengan jayanya.

Sejumlah 297 pelajar dari FKP dijangka menamatkan pengajian mereka di UTeM dengan pecahan 46 pelajar di peringkat Diploma manakala 251 pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

## MAJLIS ANUGERAH DEKAN FKEKK DAN FKE

Majlis Anugerah Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah berlangsung pada 3 April 2010 bertempat di Auditorium Bangunan Canselori. Sijil-sijil telah disampaikan oleh Dekan FKEKK, Prof. Madya Muhamad Syahrir bin Johal. Sejumlah 423 orang pelajar telah menerima sijil di majlis tersebut. Pecahan penerima Anugerah Dekan mengikut kursus adalah seperti berikut:

BENC 85 orang	BENE 133 orang	BENT 77 orang
BENW 31 orang	DEN 97 orang	

Pada 9 April 2010 telah berlangsung Majlis Anugerah Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) bertempat di Auditorium Bangunan Canselori. Sijil-sijil telah disampaikan oleh Dekan FKE, Prof. Madya Dr. Zulkifilie bin Ibrahim sambil disaksikan oleh pegawai-pegawai dan pensyarah-pensyarah fakulti tersebut. Seramai 407 pelajar telah menerima Anugerah Dekan pada majlis itu.

Semester 1 sesi 2008/2009	105	Semester 2 sesi 2008/2009	105
Semester 1 sesi 2009/2010	197		



## PELAJAR UTeM ANJUR SOLAT HAJAT PERDANA

8 April 2010 - Hampir 500 pelajar dan kakitangan UTeM telah menghadiri Majlis Solat Perdana sempena Peperiksaan akhir semester II sesi 2009/2010 di Masjid UTeM, Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin.

Majlis adalah anjuran Jawatankuasa Kediaman Mahasiswa Luar (JKML) dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Badan Dakwah & Rohani (BADAR) dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Majlis dimulakan dengan Solat Maghrib berjemaah dan diikuti oleh Bacaan Yasin dan Tahlil. Turut diadakan tazkirah ringkas oleh Ustaz Abdul Halid bin Ramli, Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UTeM. Majlis di teruskan dengan Solat Isyak berjemaah dan seterusnya Solat Hajat.



## SESI RAMAH MESRA TNC (P&I) BERSAMA STAF AKADEMIK PBPI



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi meneruskan program 'jelajah fakulti' kali ini giliran Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) pada 28 April lalu.

Kehadiran beliau telah disambut oleh Dekan PBPI, Prof. Dr. Hj. Mohd Taib bin Dora serta warga pusat tersebut. Prof. Dr. Mohamad Kadim seterusnya mengambil kesempatan untuk melawat kemudahan-kemudahan yang terdapat di PBPI seperti makmal bahasa dan bilik kuliah.

Sesi ramah mesra yang diadakan merupakan platform bagi Prof. Dr. Kadim menerangkan dengan terperinci misi dan objektif yang perlu dicapai oleh staf akademik PBPI. Beliau turut mengambil kesempatan untuk mendapatkan maklum balas secara langsung serta melihat perkembangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di situ.

## BENKEL SUKARELAWAN PUSAT ISLAM BENTUK SEMANGAT BERPASUKAN



Pusat Islam telah menganjurkan Bengkel Sukarelawan yang telah berlangsung pada 17 dan 18 April lalu di Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini dianjurkan bagi membentuk pasukan sukarelawan yang akan membantu Pusat Islam dalam menjaga keharmonian Masjid UTeM disamping menjayakan sebarang aktiviti kerohanian yang dianjurkan kelak.

Bengkel yang julung kali diadakan turut dijayakan oleh Badan Sukarelawan Al-Falah, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dengan pelbagai aktiviti yang telah berjaya merapatkan ikatan silaturrahim sesama peserta. Aktiviti seperti team building, ceramah motivasi, tazkirah serta night walk telah diadakan dan ternyata kesemua 32 peserta yang menyertai bengkel ini mendapat ilmu yang berfaedah untuk dipraktikkan sekembalinya ke UTeM nanti.

## Lawatan MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) KPT KE UTeM

8 April 2010 - UTeM menerima kunjungan daripada warga Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang menganggotai Majlis Bersama Jabatan (MBJ). Ketibaan delegasi tersebut telah disambut oleh En. Hasan bin Sirun, Pendaftar UTeM.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk berkongsi maklumat dan meninjau cara UTeM mengendalikan MBJ yang boleh diamalkan di MBJ KPT. Satu sesi perbincangan telah diatur bagi ahli-ahli lawatan berbincang dengan lebih mendalam dan bertukar-tukar pendapat mengenai pengendalian MBJ.

Selesai sesi perbincangan, peserta lawatan dibawa melawat ke sekitar kampus seperti masjid, Dewan Besar, Pusat Sukan dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).



### Kelahiran



#### BERITA KELAHIRAN

Nama Staf : Norazliyati Binti Mohd Isa  
PTj : CRIM  
Nama Anak : Nur Marissarafiqah binti Mohd Rasid  
Tarikh lahir : 01/04/2010

Nama Staf : Ahmad Faizal bin Abdul Rahman  
PTj : Pejabat Perancangan dan  
Pembangunan Akademik, Canselori  
Nama Anak : Ahmad Iman Wafi Bin Ahmad Faizal  
Tarikh lahir : 19/04/2010

Nama Staf : Ahmad Hafiz bin Mohd Puad  
PTj : Pejabat Pendaftar  
Nama Anak : Nur Irdina Syafi binti Ahmad Hafiz  
Tarikh lahir : 26/04/2010

Nama Staf : Rohaizan bin Abbas  
PTj : Pejabat TNC (P&I)  
Nama Anak : Nur Dahlia Aniesa binti Rohaizan  
Tarikh lahir : 30/04/2010

## SHAHRAN DAN HANISAH DINOBAHKAN OLAHRAGAWAN OLAHRAGAWATI STAF UTeM

6 April 2010 - Majlis Anugerah Sukan UTeM 2010 (MASUTeM 2010) telah diadakan bertempat Di Dewan Sukan UTeM. Majlis ini diadakan untuk menghargai jasa atlit-atlit yang terdiri daripada pelajar dan staf universiti ini yang telah menaikkan nama UTeM di kejohanan-kejohanan yang disertai sepanjang tahun 2009. Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan hadir menyempurnakan majlis tersebut.

Bagi kategori staf, Mohd Shahrhan Moksen telah dinobatkan sebagai Olahragawan manakala Hanisah Hamdzah muncul sebagai Olahragawati. Penganugerahan dibuat berdasarkan kepada sumbangan yang tidak ternilai mereka terhadap pencapaian sukan UTeM.

Di majlis yang sama, beberapa anugerah lain turut diberikan kepada individu-individu yang telah berusaha gigih menaikkan nama UTeM di persada sukan universiti Malaysia. Pada majlis ini, penerima anugerah menerima plak, sijil penghargaan serta sugu hati berupa wang tunai.



## TEMASYA OLAHRAGA TAHUNAN UTeM 2010 KALI KE-3

3 April 2010 – Temasya Olahraga Tahunan UTeM 2010 kali ke-3 telah berlangsung dengan meriah meskipun hujan turun dengan lebat pada sebelah petangnya. Edisi tahun ini menyaksikan temasya olahraga bagi kategori dan pelajar dijalankan serentak.

Raja pecut bagi kategori staf disandang oleh Khairul Nizam Minhat manakala Mohd Zain Kasri mengungguli kategori veteran bagi acara 100 meter. Sementara itu pasukan 4x100 meter Pusat Komputer meraih emas manakala Canselori merangkul perak dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) gangsa.

Bagi kategori pasukan terbaik, Pejabat Pendaftar mendahului senarai apabila meraih 9 emas, 3 perak dan 4 gangsa. Sementara itu, Pejabat Pembangunan mendominasi pungutan pingat bagi acara wanita dengan kutipan 2 emas, 2 perak dan 1 gangsa. Majlis penutup temasya telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## UTeM SIAP SEDIA JADI ARENA TERBAIK SUKMA XIII 2010

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah bersiap sedia dan sentiasa memberi sokongan dan komitmen tinggi bagi menjadikan SUKMA XIII sebagai yang terbaik pernah dianjurkan. Demikian kenyataan yang dikeluarkan oleh Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Naib Canselor UTeM ketika menyambut lawatan Datuk Seri Mohd Ali Rustam bersama wakil-wakil Ketua Menteri dan Menteri Besar ke Kompleks Sukan UTeM yang menjadi lokasi acara ping pong, wushu dan memanah SUKMA XIII.

Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang mengetuai delegasi itu kelihatan amat berpuas hati terhadap persediaan serta kemudahan yang terdapat di lokasi tersebut. Turut mengiringi Ketua Menteri semasa lawatan itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Omar Kaseh, Exco Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai Sekretariat SUKMA XIII.

Dalam perkembangan berkaitan, Prof. Datuk Ahmad Yusoff melahirkan rasa bangga kerana UTeM dijadikan sebagai salah satu lokasi bagi acara sukan yang berprestij itu. UTeM sentiasa memastikan segala kemudahan dan peralatan yang digunakan memenuhi piawai yang ditetapkan oleh pihak penganjur. Dewan Sukan UTeM akan digunakan bagi acara ping pong dan wushu manakala sebuah padang di Kompleks Sukan bakal menjadi arena sukan memanah.

Terdahulu, delegasi yang diketuai oleh Ketua Menteri itu telah dibawa melawat ke beberapa lokasi lain seperti Stadium Hang Jebat yang merupakan lokasi utama SUKMA XIII, Gelanggang Lawn Bowls Hang Jebat, Pusat Akuatik Hang Jebat serta Pusat Ekuestrian Hang Jebat.

